

ADAT DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT  
PERPATIH DI JOHOL, NEGERI SEMBILAN

HASNI BINTI HASHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANAMUDA PENGAJIAN ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI SELANGOR

1992/93

TELAH DIFILEMKAN

SM. 1292

UM

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

30 April 1993

  
.....  
(HASNI BINTI HASHIM)

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji-pujian ke hadrat Allah SubhanaAllahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w..

Terlebih dahulu, penghargaan ini ditujukan kepada semua tenaga pengajar Fakulti Pengajian Islam terutama dari Jabatan Syaria<sup>C</sup>h yang telah banyak memberikan bimbingan dan ilmu pengetahuan kepada penulis selama tempoh pengajian ini. Jutaan terima kasih kepada mereka dan Insya Allah segala tunjuk ajar serta bimbingan mereka akan menjadi panduan yang amat berguna pada penulis dalam menghadapi masyarakat umum.

Setinggi-tinggi penghargaan khas kepada Prof. Madya Dr. Ismail Mat yang banyak membantu, memberikan teguran dan nasihat serta tidak keberatan, memberikan pendapat juga komentar yang membina. Terima kasih tidak terhingga atas kesabarannya dan dorongan yang diberikan dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

Teristimewa buat ayahanda dan bonda yang dikasihi, Hashim bin Yusoff dan Hasnah binti Md. Din, terima kasih atas segala pengorbanan, sokongan dan

dorongan yang diberikan selama ini. Insya Allah, segala pengorbanan dan harapan mereka tidak akan dipersia-siakan ..... Kepada adik-adik yang disayangi, Halim, Hisham dan Fazaitul, semoga usaha ini menjadi pendorong kepada mereka.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditujukan khas kepada Mak Long, Napsiah binti Md din, ahli keluarga yang lain, teman-teman dan mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu penulis baik dari segi idea dan komentar sepanjang menjayakan penulisan ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala kebaikan dan bakti yang dicurahkan. Semoga Allah memberkati dan merestui segala apa yang kita lakukan selama ini. Amin.

Salam hormat,

Hasni Binti Hashim,  
348, Felda Cempaka Jengka Dua,  
26400 Bandar Pusat Jengka,  
Pahang Darul Makmur

## SINOPSIS

Adat merupakan satu gambaran kehidupan bagi sesuatu masyarakat. Dalam perbincangan tentang adat, tumpuan perbincangan diberikan kepada persoalan adat Perpatih di daerah Johol, Negeri Sembilan. Oleh kerana terdapat banyak adat yang diamalkan dalam masyarakat ini maka penekanan diberikan kepada adat-istiadat dalam perkahwinan dan beberapa adat lain yang pernah diamalkan suatu masa dahulu oleh masyarakat adat Perpatih di Johol. Dalam analisis ini, pendekatan perbandingan digunakan untuk menunjukkan perbezaan dan penerusan adat lama dalam amalan masyarakat berkenaan. Untuk tujuan ini beberapa amalan dan upacara adat tertentu tentang perkahwinan juga dinyatakan. Ia melibatkan persoalan-persoalan tentang proses pertunangan dan perkahwinan sama ada perkahwinan yang dibolehkan atau sebaliknya. Analisis juga menyentuh tentang adat-adat lain seperti adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Sebelum penutup, perbincangan ditumpukan kepada persoalan kedudukan wanita dalam amalan masyarakat Perpatih dan pandangan umum masyarakat Johol tentang adat Perpatih yang diamalkan menurut penilaian mereka sekarang.

## JADUAL KANDUNGAN



	<u>Halaman</u>
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	v
SISTEM TRANSLITERASI	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
PENDAHULUAN	xii
<b>BAB I: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Asal-Usul Johol Dan Pengaruh Adat Perpatih Di Johol	1
1.2 Kehidupan Masyarakat Perpatih Di Johol	9
1.3 Bentuk-Bentuk Adat Dalam Masyarakat Johol	19
1.4 Penutup	26
<b>BAB II: ADAT PERKAHWINAN</b>	
2.0 Pendahuluan	27
2.1 Adat Perkahwinan Di Johol	27
2.1.1 Merisik Dan Bertunang	28

Halaman

2.2	Berkayu Akar Atau Istiadat Berkampung	36
2.3	Perkahwinan	41
2.4	Perkahwinan Yang Diboolehkan Dan Tidak Diboolehkan	53
2.5	Penutup	63
BAB III: ADAT-ADAT LAIN		
3.0	Pendahuluan	64
3.1	Adat Mandiri Rumah	64
3.2	Adat Bersawah Padi	69
	3.2.1 Adat Beratib Jalan	71
	3.2.2 Adat Berpuar	74
	3.2.3 Adat Tekachi	77
3.3	Adat Berkedim	80
3.4	Penutup	84
BAB IV: MASYARAKAT PERPATIH DI JOHOL		
4.0	Pendahuluan	85
4.1	Keistimewaan Wanita Dalam Adat Perpatih	85
4.2	Pandangan Masyarakat Tentang Adat	92
	4.2.1 Penutup	99
4.3	Kesimpulan	100
BIBLIOGRAFI		112
LAMPIRAN		

## Vokal

## Vokal Pendek

a i u 

## Vokal Panjang

a i u 

## Diftong

ay aw 

## VOKAL PENDEK

## Contoh


Vokal a :



=

fa<sup>c</sup>ala

Vokal i :



=

fa<sup>c</sup>ila

Vokal u :




=

fa<sup>c</sup>ula

## Transliterasi

## VOKAL PANJANG


Vokal Panjang a



=

fā<sup>c</sup>ala

Vokal panjang i



=

fā<sup>c</sup>il

Vokal panjang u



=

fā<sup>c</sup>ul



Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
د	d	دامير	damīr
ط	t	طالب	talib
ظ	z	ظاهر	zuhr
ع	c	عالم	cālim
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādī
ك	k	كاسي	ka's
ل	l	لبان	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نية	niyyah
هـ	h	هابطة	habata
و	w	وَبَر	wabar
ي	y	ياسين	yāsīn

## SENARAI SINGKATAN

Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
Hlm.	Halaman
Ibid	Di tempat yang sama
PMS	Papers on Malay Subject
Pnys.	Penyusur
t. t.	Tanpa tahun

## PENDAHULUAN

### 1. Permasalahan

Adat memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kerana sesebuah masyarakat itu dikenali melalui adat yang diamalkan. Di Johol, amalan adat Perpatih telah lama bertapak melalui usaha pemimpinnya yang berasal dari Minangkabau. Masyarakat ini mengalami beberapa peringkat perubahan kesan dari pengaruh luar seperti animisme dan Hinduisme sebelum adat Perpatih berakar umbi di sana. Perubahan yang amat ketara ialah kemasukan nilai-nilai Islam hasil dari proses Islamisasi di rantau ini.

Dalam amalan anggota masyarakat Perpatih di Johol, terdapat beberapa adat lama yang sebahagiannya telah pupus seperti adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di samping itu, beberapa upacara tertentu dalam perkahwinan masih diteruskan manakala sebahagian yang lain telah pupus.

Melalui kajian ini penulis cuba memaparkan beberapa bentuk adat yang diamalkan oleh sebahagian dari masyarakat Perpatih di Johol dan sebagai perbandingan cuba membezakannya dengan bentuk-bentuk adat lama yang telah pupus. Adat Perpatih meletakkan wanita

dalam kedudukan yang unik terutama menyentuh soal perwarisan pusaka. Persoalan-persoalan tersebut merupakan persoalan penting yang mendapat perhatian penulis dalam kajian ini.

## 2. Kajian Masa Lalu

Kajian tentang adat Perpatih memang banyak dilakukan oleh penulis-penulis baik penulis dalam mahupun luar negeri. Namun kajian tentang adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih amat kurang dibukukan. Penulisan tentang adat resam ini walaupun ada mungkin dalam bidang-bidang yang terhad seperti perkahwinan dan sistem perwarisan pusaka, sedangkan adat-adat resam yang lain yang pernah diamalkan suatu ketika dahulu oleh masyarakat Perpatih di Johol hampir tidak ditemui lagi.

Beberapa penulis pernah menulis tentang adat Perpatih, antaranya ialah Abd. Rahman bin Haji Muhammed dalam bukunya, "Dasar-Dasar Adat Perpatih".<sup>1</sup> Dalam tulisannya beliau menulis tentang kehidupan masyarakat Perpatih dan adat perkahwinan secara menyeluruh. Buku "Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia",<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Abd. Rahman bin Haji Muhammed, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1964).

<sup>2</sup>Mokhtar bin Haji Md Dom, Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977

oleh Haji Mokhtar bin Haji Md Dom menceritakan asal-usul adat Perpatih, bentuk-bentuk adat dalam masyarakat tersebut, pertalian antara suku-suku dan sistem perwarisan pusaka kepada perempuan tetapi tidak dijelaskan secara terperinci mengenainya. Nordin Selat dalam bukunya, "Sistem Sosial Adat Perpatih",<sup>1</sup> turut memberikan analisis umum tentang kedudukan wanita dalam sistem perwarisan, perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan. Begitu juga, Abdullah Siddik dalam bukunya, "Pengantar Undang-Undang Adat",<sup>2</sup> juga menjelaskan tentang adat Perpatih dan bentuk-bentuk adat yang terdapat di dalamnya secara keseluruhan sahaja tanpa penerangan yang jelas dan terperinci terutama dalam perkahwinan dan kedudukan wanita dalam adat tersebut.

Kebanyakan buku tersebut hanya menyentuh tentang adat dalam perkahwinan atau sistem perwarisan tetapi adat-adat lain terutamanya adat-adat yang lama dan telah pupus tidak lagi mendapat perhatian kebanyakan penulis. Memandangkan kekurangan hasil-hasil penulisan tentang adat lama yang pernah diamalkan dan kini telah pupus, maka penulis telah memilih tajuk di atas dengan tujuan untuk menonjolkan sebahagian daripada adat-adat tersebut terutamanya yang pernah atau termasuk yang masih diamalkan di daerah Johol.

---

<sup>1</sup> Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Utusan Melayu Berhad, 1976.

### 3. Method Kajian

Dalam menjayakan penulisan ini, penulis menggunakan method-method kajian berikut:

#### b. Kajian Perpustakaan

Bagi mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai penulisan ini, penulis telah membuat lawatan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM, Bilik Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM, Perpustakaan / Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur. Maklumat didapati melalui buku-buku dan majalah-majalah atau lainnya dijadikan asas dalam penulisan ini.

#### b) Kajian Lapangan

Memandangkan tajuk latihan ilmiah ini memerlukan kajian khusus di Johor maka penulis telah membuatnya ke beberapa buah kampung di sana seperti Kampung Nuri, Kampung Simat, Kampung Lending, Kampung Tanggai, Kampung Kuala Johor, Kampung Inas, Kampung Air Mawang dan Kampung Sikota untuk menemubual orang-orang tertentu bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Pendekatan yang digunakan ialah dengan menemubual golongan tua yang mahir dalam adat-adat Perpatih. Meskipun terdapat beberapa kesulitan tetapi penulis berjaya menemubual dua belas orang tua yang mahir dalam adat berkenaan terutamanya menyentuh tentang adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Maklumat-maklumat yang didapati hasil daripada pertemuan dan temubual ini sesungguhnya amat berguna dalam penyediaan latihan ilmiah ini.

#### A. Organisasi

Penyusunan penulisan ini seperti berikut:

Dalam bab pertama latihan ilmiah ini menceritakan tentang asal-usul Johol serta sedikit sejarah kemasukan adat Perpatih di Johol. Ia juga menyentuh tentang pengaruh animisme dan Hinduisme sebelum kedatangan adat Perpatih di sana. Juga sejauhmana pengaruh adat Perpatih dalam masyarakat Johol yang menyentuh tentang adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat-istiadat.

Bab kedua pula menerangkan tentang adat perkahwinan dalam masyarakat Johol, bermula dari adat merisik hingga membawa kepada adat-adat perkahwinan. di dalamnya diceritakan tentang upacara-upacara yang

## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	-Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ع	e	سأل	sa'ala
أ	-	أصفياء	asfiyā
ب	b	بدل	.badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثقرة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	hadīth
خ	kh	خالد	Khālīd
د	d	ديوان	diwān
ذ	dh	ذالك	dhālika
ر	r	رحمن	rahmān
<del>ز</del>	<del>z</del>	<del>زابور</del>	<del>Zabur</del>
س	s	سبيل	ṣabīl
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	ṣabr



## DIFTONG

aw	:	قَوْل	=	qawl
ay	:	سَيْف	=	sayf
iy	:	رَجِي	=	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i
uww	:	عَدُو	=	<sup>c</sup> aduww atau <sup>c</sup> adūw

## TA' MARBUTAH

contoh	:	شَرِيعة	=	shari <sup>c</sup> at
	:	كِتَابَة	=	kitābat

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
و	aw	قَوْل	qawl
ي	ay	سَيْف	sayf
ي	iyy	رَجِي	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i (di akhir)
و	uww	عَدُو	<sup>c</sup> aduww atau <sup>c</sup> adū (di akhir)

diamalkan oleh masyarakat tradisi dan ada di antara adat serta upacara itu tidak lagi menjadi amalan masyarakat sekarang dengan melihat pada perubahan zaman dan kepentingannya masa kini. Bab ini juga membincangkan tentang perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan mengikut adat Perpatih dengan penekanan diberikan pada larangan-larangan yang terdapat dalam perkahwinan seperti yang ditentukan oleh adat.

Selain adat perkahwinan, adat-adat lain juga ada dibincangkan dalam bab ketiga. Disebabkan banyak adat yang diamalkan oleh masyarakat ini dan agak mustahil dibincangkan semuanya, maka penulisan ini lebih tertumpu pada adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di dalam adat-adat tersebut diterangkan bagaimana upacara-upacara dijalankan dan diterima pakai oleh masyarakat dahulu.

Melalui bab keempat pula, penulis membicarakan tentang keistimewaan wanita dalam masyarakat Perpatih di Johol dan alasan-alasan mengapa mereka diberi keistimewaan oleh adat dalam sistem perwarisan. Selain itu, dibincangkan tentang penilaian umum masyarakat Johol tentang adat perpatih yang menjadi amalan mereka selama ini.

Akhir sekali dalam kesimpulan, rumusan mengenai penulisan ini dibuat secara umum bermula dari asal-usul adat Perpatih di Johol hinggalah kepada pengaruhnya ke dalam kehidupan masyarakat Johol yang berkaitan dengan adat-adat tertentu dalam perkahwinan, adat-adat lain yang pernah diamalkan dahulu dan termasuk juga status wanita dalam sistem perwarisan adat Perpatih.

## BAB III

### 3.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan tentang beberapa adat lama yang pernah diamalkan oleh masyarakat perpatih di Johor suatu masa dahulu. Adat-adat ini kebanyakannya menunjukkan adanya hubungan yang rapat antara manusia dengan alam sekitar dan memerlukan penglibatan pawang atau bomoh di dalamnya. Antara adat-adat yang pernah menjadi amalan masyarakat tradisi ialah adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim.

### 3.1 Adat Mandiri Rumah

Adat mandiri rumah merupakan adat tradisi yang masih dijalankan sekarang walaupun amat jarang ditemui dan pelaksanaan tentang upacaranya juga tidak dijalankan sepenuhnya. Sebahagian besar dari upacaranya ditinggalkan secara perlahan-lahan oleh masyarakat kemudian. Namun seperti masyarakat dulu mereka juga percaya adat ini perlu dilakukan bagi menjamin keserasian dan keselesaan apabila menduduki rumah baru kelak.

Adat dimulakan dengan mencari dan mengenal pasti tapak yang sesuai untuk mendirikan rumah kerana tidak semua tapak sesuai bagi tujuan tersebut. Biasanya tugas ini dilakukan oleh pawang yang menggunakan segala kepakarannya dalam bidang tersebut. Bagi memastikan sama ada tapak sesuai atau tidak adalah menjadi rahsia pawang dan tidak boleh diberitahu pada orang lain. Upacara dilakukan dengan menggunakan kemenyan dan melalui cara-cara tertentu pawang akan memberitahu tempat-tempat yang sesuai untuk dijadikan bilik tidur, dapur, ruang tamu dan lain-lain. Biasanya keluasan tapak bagi tujuan ini adalah empat puluh kaki sahaja.

Zaman tradisi masyarakatnya lebih suka mencari tapak yang berdekatan dengan sungai yang merupakan jalan perhubungan mereka atau berhampiran sawah padi supaya senang mereka bercucuk tanam. Selepas tanah dikenal pasti pawang akan menepung tawar kawasan tersebut atau digunakan juga dengan istilah membersih tapak dari sebarang gangguan makhluk halus. Kemudian mereka akan bergotong-royong mencari kayu untuk mendirikan rumah dan sebelum itu kayu-kayu tersebut hendaklah dibela atau ditepung tawar kerana bimbang jika kayu tersebut berpuaka.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Mohd Nor bin Yaacob, Ketua Kampung Air Mawang, Johol, Negeri Sembilan, 27 November 1992.

Selepas itu akan diadakan upacara mendiri tiang dan telah ditentukan adat tiang hanya akan didirikan pada hari Isnin atau Khamis saja kerana dipercayai bahawa hari tersebut adalah hari kejadian kayu.<sup>1</sup> Sebelum itu dua helai kain berwarna merah dan putih akan diikatkan di kepala tiang tersebut, dikatakan kain itu sebagai tangkal ribut. Mereka percaya bahawa kain tersebut boleh menghalang tiang dari terkena ribut dan menghalang tiang dari rebah.

Pawang juga akan menebuk sedikit bahagian tengah tiang tersebut dan meletakkan sekeping duit syiling berserta sedikit emas dengan tujuan untuk membunuh bisa kayu. Bagi upacara ini kemenyan digunakan, kemudian ditepung tawar sekali lagi dan akhirnya pawang akan menggunakan kain hitam sepanjang dua setengah ela untuk mengibas kayu itu. Tiang atau kayu tersebut hanya boleh didirikan selepas dua puluh lima minit upacara menepung tawar dan mengibas tadi dilakukan dan ia merupakan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pawang yang mana hanya ia saja yang tahu rahsianya. Tempoh yang dikenakan ini disebut sebagai tengok langkah. Semasa tiang hendak didirikan, ia mesti dibalut dengan kain (sebahagian tiang saja sebagai syarat) kerana dikatakan pada asalnya kayu mempunyai kulit maka mesti dipulangkan semula kulitnya dan kain sebagai simbolnya.

---

<sup>1</sup>Osman bin Meda, penduduk Kampung Nuri, Johor, Negeri Sembilan, 30 November, 1992.

Ketika kayu ditegakkan, pawang mesti pastikan kedudukannya tidak terbalik yang mana bahagian pangkal di bawah dan bahagian hujung di atas. Petua menentukan mana yang hujung dan mana yang pangkal iaitu bahagian yang berat adalah pangkal. Sebaik saja tiang didirikan satu upacara mandi diadakan terhadap tuan rumah sebagai membuang sial atau supaya tidak berlaku perkara yang buruk ke atas tuan rumah selepas ia menduduki rumah tersebut dan supaya ia dapat tinggal dengan selesa di situ.

Dalam upacara ini dua biji kelapa diperlukan dengan diambil airnya di samping sedikit air di dalam gobok. Seterusnya seorang dari waris terdekat keluarga akan memanjat tiang tersebut dan menjirus tuan rumah yang berada di pangkal tiang. Mandi di sini bukanlah mandi dalam erti kata yang sebenarnya tapi sebagai syarat bahawa adat telah dipenuhi. Kemudian pawang akan melayur atau menyalai pangkal tiang dengan damar bagi membersihkan segala lubang yang telah dibuat oleh pawang untuk mengelakkan sesuatu yang buruk berlaku pada pawang atau tukang rumah nanti. Seterusnya tuan rumah akan mengadakan sedikit kenduri sebagai tanda kesyukuran bahawa upacara tersebut telah selesai dengan selamatnya dan bersyukur bahawa rumahnya akan didirikan dengan harapan agar tidak berlaku sesuatu perkara yang buruk nanti.

Ada yang mengatakan bahawa setengah pihak meletakkan setandan pisang dengan menggantungnya di tiang tersebut dan kenduri sekali lagi akan diadakan selepas pisang masak.<sup>1</sup>

Mengikut adat, sebarang kerja bagi membuat rumah hanya dibenarkan selepas tiga hari kemudiannya. Ini merupakan pantang atau tertib yang mesti diikuti dan telah ditetapkan oleh adat. Dalam tempoh tersebut tuan rumah dan pawang dilarang memakan benda-benda yang berdarah serta dilarang sebarang penyembelihan dilakukan di kawasan itu. Tiang yang didirikan itu juga tidak boleh diketuk. Pelanggaran terhadap pantang larang dipercayai mendatangkan akibat pada tuan rumah dan pawang tersebut. Bagi mereka manusia dan alam adalah saling kait-mengait dan saling memerlukan maka wujudlah perjanjian pada perkara-perkara yang perlu dihormati bagi mewujudkan hubungan baik keduanya. Jadi jika berlaku satu pencabulan terhadap perjanjian tersebut maka perlu dikenakan hukuman atau tindakan yang sewajarnya.

Selepas rumah siap dibina maka sekali lagi pawang akan memainkan peranan dalam proses terakhir dengan menepung tawar seperti biasa bagi memulihkan rumah tersebut. Upacara ini dilakukan supaya penghuninya dapat tinggal dengan selesa tanpa gangguan. Ia seolah-olah

---

<sup>1</sup>Napsiah binti Md Din, penduduk Kampung Nuri, Johor, Negeri Sembilan, 30 November 1992.



meminta keizinan atau kepastian agar ketenangan penghuni tidak diusik. Ketika ini satu lagi kenduri akan diadakan sebagai tanda kesyukuran bahawa segalanya dapat diselesaikan dengan baik.

Dalam adat ini pawang memainkan peranan penting dari awal hingga akhir upacara mendirikan rumah. Masyarakat dahulu percaya bahawa kedudukan rumah dan tapak yang tidak sesuai boleh mendatangkan akibat yang tidak baik pada penghuni-penghuninya. Oleh itu, sebelum mula mendirikan rumah mereka akan menggunakan khidmat pawang untuk menentukan kedudukan yang sesuai untuk mendirikan rumah sebagai usaha mengelakkan dari terjadinya sesuatu yang tidak diingini.

### 3.2 Adat Bersawah Padi

Masyarakat Johol seperti juga masyarakat perpatih yang lain mengamalkan sistem pertanian dan menjadikannya sebagai satu sumber kehidupan mereka suatu masa dulu. Bersawah padi merupakan antara aktiviti yang giat dilakukan dan ia dijalankan setahun sekali. Dalam proses bersawah padi ini ada beberapa adat yang dilakukan yang mana ia mempunyai kaitan dengan bersawah padi. Adat-adat tersebut ialah adat beratib jalan, adat berpuar dan adat tekachi. Adat-adat ini dilakukan bila tiba musim bersawah padi yang mana bila tiba saatnya orang kampung yang akan bersawah padi dikehendaki

berkumpul beramai-ramai. Seperti menjadi adat tiap perkara diusahakan bersama, begitu juga bersawah padi walaupun pada dasarnya usaha itu dibuat bersendirian iaitu mengusahakan sawah masing-masing namun dari segi upacara adat-istiadat ia dilakukan bersama.

Proses bermula dengan membersihkan tanah sawah secara bergotong-royong kemudian ketika proses mengempang atau manakung air, orang yang hendak bersawah padi akan bersama-sama pergi ke hulu air dengan membawa secupak benih padi tiap seorang yang mana ia akan dikumpulkan dalam satu bekas. Di sana tok pawang yang bertindak sebagai ketua akan membakar kemenyan dan menepung tawar seterusnya membaca doa di hulu air. Ini dilakukan bertujuan untuk menghalau roh jahat yang dipercayai boleh merosakkan tanaman selain dari makhluk perosak lain seperti tikus dan serangga. Kemudian benih tersebut dibawa balik untuk disemai.

Pada malam sebelum padi disemai, sedikit kenduri akan diadakan dan pada malam ini juga mereka akan menganyam ketupat sebagai persediaan bagi upacara semaian yang akan diadakan keesokan paginya. Pada malam ini juga benih padi tersebut akan dicampurkan dengan daun kayu dalam sebuah bekas atau bakul kemudian digaulkan sebelum dibawa ke tapak semaian. Ia bertujuan untuk membersihkan padi supaya tidak sambang (buruk). Pada paginya ketupat yang telah direbus akan digantung dan

dibawa ke tapak semaian. Ia bertujuan supaya padi menjadi lebat serta padat. Kemudian ketupat boleh dimakan tapi daunnya ditinggalkan dengan harapan rezeki akan melimpah-ruah.

### 3.2.1 Adat Beratib Jalan

Adat beratib jalan merupakan salah satu adat yang mempunyai kaitan dengan bersawah padi dan ia dilakukan suatu ketika dulu kerana mempunyai tujuan dan maksud tertentu. Adat ini juga akan diketuai oleh pawang yang akan bertindak sebagai orang tengah dalam sesuatu upacara tertentu.

Adat ini dilakukan selama tiga malam dan biasanya hari-hari tersebut tidak ditentukan masanya secara pasti. Ia dilakukan bertujuan untuk menghalau roh jahat dari mengganggu tanaman dan dilakukan ketika musim penyakit merebak. Pada waktu ini Ketua Kampung akan menemui tok pawang untuk berbincang sama ada perlu atau tidak diadakan adat. Ini memandangkan pada situasi yang berlaku ketika itu dan jika mereka sepakat untuk mengadakannya maka mereka akan pergi menemui Datuk Undang untuk meminta izin darinya bagi melakukan upacara tersebut. Jika diizinkan maka upacara akan dilakukan pada masa yang dipersetujui yang mana pengumuman akan dibuat di masjid atau surau sebagai pemberitahuan terhadap persediaan menyambutnya.

Istiadat ini dimulakan selepas waktu Maghrib dari hulu membawa ke hilir kampung dan ia boleh disertai oleh berbagai peringkat umur. Biasanya ia hanya dihadiri oleh lelaki saja dan disebabkan ia berakhir hingga lewat malam maka kanak-kanak tidak dibenarkan menyertainya. Sepanjang malam rombongan ini akan berarak melalui jalan dengan membaca zikir kepada Allah hingga sampai ke suatu tempat yang ditetapkan. Biasanya upacara ini dilakukan tiga peringkat yang mana pada malam kedua dan seterusnya akan dimulakan di tempat mereka berhenti sebelumnya.

Satu amalan yang teradat, di sepanjang jalan tersebut kuih-muih dan minuman disediakan untuk rombongan ini di tepi-tepi jalan oleh tuan rumah tersebut atau kadang-kadang mereka berpakat untuk menyediakan makanan dan meletakkannya di tempat yang disediakan. Biasanya atas permintaan tuan rumah, rombongan tersebut akan berhenti di situ dan tok pawang akan menepung tawar seterusnya akan dilaungkan dan kemudiannya mereka akan menikmati juadah tersebut. Sebelum meneruskan perjalanan biasanya tuan rumah akan memberi duit sebagai sedekah dan sebagai menyatakan rasa terima kasihnya di atas kesudian rombongan itu singgah dan menepung tawar rumahnya. Jumlah duit yang dikira sebagai derma itu tidak ditentukan, ia terpulang atas ihsan tuan rumah.

Destinasi terakhir mereka ialah hilir air dan di sini pawang akan membaca jampinya di samping berdoa

sambil menetapkan bahwa hilir air adalah sempadan bagi roh jahat yang bermakna hilir air itu adalah tempatnya dan ia tidak boleh mengganggu manusia di kawasan yang bukan tempatnya. Ia dibuat seolah-olah satu perjanjian yang mana hilir air sebagai sempadan pada tamatnya perjanjian tersebut. Sebelum itu ia hendaklah ditepung tawar dahulu kemudian pawang akan turun ke dalam sungai dan menghanyutkan tepung tawar tadi dengan harapan semua penyakit dihanyutkan dan dibawa dari situ.

Upacara ini tidak tamat di situ saja. Selepas upacara beratib jalan selama tiga malam berturut-turut dilakukan maka pada keesokan paginya pawang akan membuat air jampi untuk penduduk kampung bagi mengelak terkena penyakit yang dipercayai datang dari roh jahat. Upacara berjampi ini dihadiri oleh penduduk kampung dan beberapa orang dukun. Mereka akan mengelilingi sebuah bekas besar yang berisi air dengan campuran daun-daun dan akar kayu seperti rotan setikus, daun setawar, buluh gading dan lain-lain. Air ini akan dijampi oleh dukun secara bergilir-gilir dan bacaan jampinya ditamatkan oleh pawang. Ada pendapat mengatakan air itu dijampi oleh dukun pada malam terakhir beratib jalan mengikut kepakaran masing-masing. Air ini akan disatukan pada keesokan paginya dengan bacaan penutup dilakukan oleh pawang. Apabila selesai menjampi pawang akan menyiram sekali lalu pada orang yang ada di situ sebagai syarat

mandi dan 'selebihnya' air itu diberikan pada penduduk kampung sebagai air penawar.

Semasa upacara ini dijalankan, bermula dari beratib jalan hingga upacara berjampi mereka dilarang menyembelih sebarang binatang atau dengan kata lain tidak boleh mengeluarkan darah kecuali jika penyembelihan tersebut dibuat di sungai dengan darahnya mengalir mengikut air. Dipercayai ketika ini roh jahat sedang berkeliaran maka jika berlaku pelanggaran terhadap pantang larang ini, ia yang sememangnya sukakan darah akan mengganggu manusia. Oleh itu, pada peringkat ini orang kampung amat berhati-hati supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak diinginkan dan pantang larang itu tamat bila berakhirnya upacara beratib jalan di mana perjanjian telah dibuat.

### 3.2.2 Adat Berpuar

Adat berpuar merupakan adat tradisi yang mempunyai hubungan rapat dengan bersawah padi dan sebagai kesinambungan terhadap adat beratib jalan. Adat ini dilakukan ketika padi belum matang atau padi sedang menguning. Penyertaannya tidak dibataskan dengan had umur. Semua orang boleh menyertainya termasuk kanak-kanak malah kehadiran mereka lebih memeriahkan lagi suasana.

Adat berpuar kebiasaannya dibuat tiga tahun sekali tapi tidak jadi halangan jika mahu dilakukan tiap-tiap tahun. Bagi mengadakan upacara ini Ketua Kampung sekali lagi akan berbincang dengan Ketua Lembaga terlebih dahulu dan Lembaga akan memberitahu Buapak serta anak buahnya. Upacara tersebut diadakan dengan dihadiri oleh orang ramai terutama Ketua Lembaga dan Buapak. Pada hari yang ditetapkan ketidakhadiran mereka tanpa sebarang alasan akan dianggap sebagai keras kepala dan tidak menghormati upacara tersebut. Namun dalam kes-kes tertentu mereka boleh menghantar wakil bagi menggantikan mereka dengan menerangkan sebab-sebab keuzuran.

Adat ini masih lagi menggunakan khidmat pawang iaitu dimulakan upacara tersebut dengan menepung tawar kawasan terlebih dahulu, kemudian pawang akan menebang tiga batang puar dan mencucukkannya ke dalam sawah. Pada tiap batang puar akan digantung dengan makanan seperti pisang masak, buah-buahan atau kuih-muih yang disediakan khas untuk tujuan tersebut. Sebelum dibawa ke tempat upacara, ketika ini kanak-kanak akan berebut-rebut untuk membawa batang puar dan memikulnya ke sawah. Sebenarnya untuk permulaan upacara hanya tiga batang puar sahaja diperlukan oleh pawang dan selebihnya adalah inisiatif penduduk kampung (yang mengusaha sawah) sendiri sekadar memeriahkan lagi upacara tersebut.

Pawang akan memastikan batang puar dicacakkan dengan pucuknya dibenamkan ke permukaan sawah. Terdapat juga batang puar yang dicacak oleh tuan punya sawah yang mana batang puar ini akan dicabut kemudiannya dan dikibaskan ke kiri ke kanan dengan alasan perbuatan itu untuk memukul roh jahat supaya tidak mengganggu tanaman mereka. Selain itu batang puar juga digunakan untuk membunuh musuh tanaman yang degil seperti binatang perosak. Kemudian makanan yang digantung itu dimakan beramai-ramai seterusnya satu daripada batang puar itu akan dibawa ke suatu tempat yang dinamakan mati puar.<sup>1</sup> Dalam perjalanan menuju ke tempat tersebut mereka dibahagikan kepada dua kumpulan dewasa yang bergerak ke hilir air di mana upacara seterusnya akan dijalankan. Mengikut adatnya mereka mesti menggunakan jalan sawah dan tidak dibenarkan menggunakan jalan darat. Batang puar akan dibawa bersama ke hilir air dan di sana kedua kumpulan tadi akan menikam ke arah lawan masing-masing, seolah-olah sedang berperang dan menentang musuh yang akan memusnahkan padi mereka.

Sebelum itu pawang akan menepung tawar tempat tersebut kemudian mereka akan menyembelih kerbau balar<sup>2</sup> (tidak boleh kerbau lain) untuk dibuat jamuan atau

---

<sup>1</sup>Mati puar iaitu tempat di mana upacara ini berakhir.

<sup>2</sup>Kerbau yang badannya kemerah-merahan, lain daripada kerbau biasa.



kenduri. Menurut Encik Layar Atong, roh jahat memang sukakan kepada sesuatu yang ganjil maka mereka menyembelih kerbau balar kerana ia dianggap ganjil dari kerbau yang lain. Kenduri diadakan sebagai meraikan kejayaan mereka mengalahkan roh jahat. Dalam upacara ini kepala kerbau akan dihanyutkan ke sungai sebagai jamuan untuk roh jahat dengan harapan ia tidak lagi mengganggu mereka. Upacara ini diakhiri dengan kenduri kesyukuran.

### 3.2.3 Adat Tekachi

Adat tekachi merupakan satu lagi adat yang mempunyai kaitan dengan bersawah padi dan merupakan upacara terakhir bagi adat tersebut. Adat tekachi diadakan sebagai pernyataan terima kasih bahawa segala usaha mereka sudah selesai dengan sempurna dan selebihnya hanya untuk bersuka-sukaan saja. Sebenarnya adat ini lahir hasil dari mitos<sup>1</sup> yang terdapat dalam kehidupan generasi yang terdahulu dari mereka.

Kononnya, suatu masa dahulu ketika kampung baru diterokai, seperti biasa mereka akan menebang tebas kawasan tersebut untuk dijadikan kawasan pertempatan. Keesokan harinya kayu-kayu yang sudah ditebang tertegak semula seperti asal dan walaupun mereka merasa pelik

---

<sup>1</sup>Dongeng atau tradisi yang dianggap ada dan biasanya merupakan kepercayaan bukan kejadian (dewa-dewa atau alam seluruhnya)

dengan kejadian itu namun mereka tetap juga menebang tebas semula kawasan itu tapi kejadian yang sama berlaku berulang kali. Di sinilah bermula adat tekachi yang mana pawang dipanggil sebagai orang perantaraan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Terjadilah perundingan antara pawang dengan penunggu kawasan itu yang marah kerana kawasannya dicerobohi dan dimasuki tanpa izin. Akibat pencerobohan itu, penunggu kawasan tersebut menjadi marah dan memuat kacau dengan mengganggu mereka. Di sini pawang memainkan peranan penting memujuk penunggu tersebut supaya memaafkan kesilapan yang dilakukan tanpa sengaja dengan berjanji bahawa perkara tersebut tidak akan berulang lagi.

Dalam perundingan itu keduanya telah mencapai kata sepakat bahawa tempat jin atau penunggu adalah di hulu air, gunung-ganang, bukit-bukau atau tempat yang jarang diduduki manusia. Kononnya pihak penunggu bersetuju dengan perundingan itu tapi disyaratkan mereka berlawan dahulu dan dalam perlawanan itu manusia telah berjaya mengalahkan penunggu tersebut dan sebagai menepati janji penunggu kawasan itu tidak lagi mengganggu mereka. Mulai hari itu tidak ada lagi sebarang gangguan dan orang ramai dapat membuka kawasan untuk dijadikan perkampungan.

Berdasarkan mitos tersebut masyarakat kemudiannya meneruskan adat itu dan menyesuaikan mengikut kehendak masyarakat mereka. Oleh sebab itu, kita dapati selepas

adat berpuar mereka akan mengadakan adat tekachi pula sebagai tanda terima kasih mereka kerana tidak diganngu oleh roh jahat.

Adat ini diadakan di suatu tempat lapang berbentuk seperti sebuah gelanggang. Ketika ini siapa saja yang mahu masuk ke gelanggang dibolehkan dan mereka dibahagikan kepada dua kumpulan. Mereka boleh masuk seorang-seorang atau berkumpulan untuk menunjukkan kekuatan masing-masing yang mana mereka akan berusaha untuk memenangi perlawanan itu. Upacara ini lebih berbentuk kepada permainan atau pertandingan yang hanya dilakukan sekadar untuk berhibur saja. Pertandingan itu sebagai simbolik perlawanan antara manusia dengan roh jahat yang mana akhirnya perlawanan itu dimenangi oleh manusia yang bersifat menyerang dan roh jahat yang bersifat menanti kedatangan musuh mereka.

Jika diteliti semua upacara yang dilakukan dalam adat bersawah padi mempunyai maksud dan tujuan yang sama iaitu mahu menghalau roh jahat supaya tidak mengganggu tanaman mereka. Mereka percaya bahawa berlakunya sesuatu perkara yang buruk ada hubungannya dengan makhluk ghaib maka mereka terlebih dahulu mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengadakan upacara-upacara tertentu agar dapat menghalang dari sebarang gangguan. Bagaimanapun natijahnya, kejayaan atau kemenangan berada di pihak manusia.

### 3.3 Adat Berkedim

Dalam adat perpatih sistem perwarisan harta pusaka adalah ke atas anak perempuan. Oleh itu bagi mereka yang tidak ada anak perempuan mereka akan mengambil anak angkat. Dalam masyarakat adat perpatih ia lebih dikenali sebagai proses berkedim. Makna kedim adalah bersaudara maka mengikut adatnya jika seseorang yang telah menjalani proses berkedim maka ia dianggap sebagai anak sendiri oleh keluarga angkatnya.

Mengikut adat ini, mereka yang hendak mengambil anak angkat mesti memastikan dari suku manakah seseorang itu yang hendak diambil sebagai anak angkat. Selepas menjalani upacara ini anak angkat tersebut tidak boleh kembali semula kepada suku asalnya. Upacara ini mesti mendapat persetujuan dari Lembaga dan Buapak bagi kedua pihak.

Ketika tiba hari yang dijanjikan suatu majlis penyerahan anak angkat dilakukan yang dikenali sebagai adat berkedim. Pada hari itu keluarga bagi kedua pihak mesti hadir terutama bagi ahli keluarga yang bakal menerima saudara baru. Dalam majlis inilah mereka akan berkenalan antara satu sama lain. Oleh sebab itu, adalah penting bagi keluarga yang menerima hadir supaya mereka kenal dan dapat menerima baik kehadiran saudara baru mereka.

Upacara dimulakan dengan Ketua Lembaga pihak perempuan tersebut menyerahkannya kepada Ketua Lembaga pihak satu lagi berserta tepak sirih sebagai pembuka adat. Ia disaksikan oleh orang-orang yang dipanggil sekedim bagi kedua pihak. Seterusnya upacara mencecah darah dilakukan dengan Ketua Lembaga bagi kedua pihak akan mencalit sedikit darah kambing yang disembelih ke dahi perempuan tersebut sebagai menandakan penerimaan dan penyempurnaan adat. Majlis ini juga dikenali sebagai adat mencecah darah, kemudian doa dibacakan menunjukkan majlis telah disempurnakan seterusnya diadakan sedikit kenduri kesyukuran. Adat telah menetapkan bahawa upacara ini mesti disediakan seekor kambing di samping duit adat sebanyak RM7.00 dan duit ini akan diberikan pada Ketua Lembaga yang akan menerima anak angkat.

Kesan dari adat ini anak angkat tersebut dianggap sama seperti anak kandung dari segi hak dan kepentingan termasuk harta pusaka. Adat menyebut dalam perbilangan:

Kerbau ditambat, diberi makan,  
orang diambil, diberi harta.

anak angkat ini juga akan tinggal di rumah keluarga angkatnya dan ia tidak berhak lagi terhadap harta dari suku asalnya. Segala tanggungan dan tanggungjawab dibebankan atas keluarganya yang baru dan mereka mesti melayannya sebagai saudara mereka sendiri.

Adat berkedim boleh dibahagikan pada dua bahagian iaitu kedim adat dan kedim adat dan pusaka. Dikatakan kedim adat adalah lebih rendah tarafnya dari kedim adat dan pusaka. Kedim adat biasanya dilakukan bagi lelaki luar yang akan berkahwin dengan perempuan Negeri Sembilan. Upacara ini dihadiri oleh semua ahli keluarga termasuk Ketua-Ketua Adat dari suku tersebut. Mereka akan diberi hak dan layanan yang sama seperti ahli keluarga yang lain kecuali hak mewarisi harta pusaka ibu angkat tapi tetap berhak terhadap harta pusaka ibu kandungnya. Begitu juga pun mereka tidak berhak mendapat pusaka gelaran seperti gelaran Buapak, Lembaga dan lain-lain. Menurut kata adat mengenai kadim jenis ini:

Sakit berbela,  
mati bertanam.

Adat memberi jaminan bahawa mereka tetap akan dijaga dan diberi layanan yang sepatutnya.

Manakala kedim adat dan pusaka pula mempunyai taraf lebih tinggi dari kedim adat. Ia juga dikenali sebagai kedim aur serumpun kerana jika yang dikedim itu ialah perempuan yang telah ada anak maka anak-anaknya sama ada lelaki atau perempuan akan turut bersama mengikuti ibunya ke dalam suku yang mengambilnya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Talib bin Md. Seh, Adat-Istiadat Dalam Naning, Kertas Projek, Serdang, UPM, 1990, hlm. 92.

Lazimnya kedim jenis ini dilakukan kepada perempuan dan ketika upacara dijalankan kehadiran Undang adalah menjadi kemestian di samping kehadiran Ketua-Ketua Lembaga dan Buapak masing-masing. Adat ini memberi kesan kepada harta pusaka ibu angkatnya dan bagi lelaki akan memberi kesan dan hak mewarisi gelaran dalam suku ibu angkatnya selain hak-hak lain yang terpelihara sama seperti saudara angkat yang lain.

Adat ini bukan suatu yang asing bagi masyarakat Johol satu masa dulu namun kerana peredaran zaman maka adat ini tidak lagi diamalkan. Bagaimanapun amalan pengambilan anak angkat ini masih berterusan namun amalan upacara mencecah darah tidak lagi dilakukan mungkin kerana menyedari perbuatan itu menyalahi agama.

Apapun yang digambarkan ini hanya sebahagian dari adat-adat yang pernah diamalkan oleh masyarakat perpatih di Johol suatu masa dulu. Adat-adat ini yang dipenuhi dengan upacara yang sebahagiannya menyalahi agama tidak lagi dilakukan walaupun ada ianya adalah terkawal dan amalannya tidak menyeluruh.

### 3.4 Penutup

Dalam melaksanakan adat-adat tersebut terdapat beberapa upacara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam terutama yang berkaitan dengan pemujaan. Mungkin disebabkan oleh perkembangan Islam itu sendiri di dalam masyarakat Johor, juga berlakunya perubahan masa dan suasana maka adat-adat ini tidak lagi diamalkan. Menyadari tentang pertentangannya dengan hukum syara<sup>C</sup> maka adat-adat tersebut seperti adat mendiri rumah, adat bersawah padi, beratib jalan, berpuar, tekachi dan berkedim hanya kekal dalam ingatan golongan tua sahaja, tidak lagi diamalkan oleh generasi yang kemudian.



## BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahman bin Haji Mohammad. 1964. Dasar-Dasar Adat - Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir M.S. 1985. Tonggak Tuo Budaya Minang. Jakarta: C V Karya Indah.
- Amran Kasimin. 1989. Istiadat Perkahwinan Melayu. Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad bin Idris. 1974. Kemurniaan Di Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- Azizah Kassim. 1969. Kependudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera Di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azizah Ujang. 1984. Perbilangan Adat Perpatih, Penilaian Dari Segi Etik dan Estetika". Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansur bin Haji Jamaluddin. 1974. Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- M. Rasyid Manggis DT. Radjo Panghoelo. 1970. Negeri Sembilan, Hubungannya Dengan Minangkabau. Jakarta: al-Maktabah al-Sa<sup>C</sup>diah.

Mokhtar Haji Md. Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Nadzan Haron. 1992. Sistem Perwarisan Tanah Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nathan J.E. dan R.O. Winstedt. 1920. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Ana Terachi. Papers on Malay Subject. Culcutta: The Baptist Mission Press.

Norazit Selat. 1982. Konsep Pusaka Di Dalam Adat Perpatih, satu catatan ringkas. Purba. Bil. 1

Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. cet.2. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.

Norhalim bin Haji Ibrahim. 1992. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

---

. 1992. Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

---

. 1988. Kesesuaian Adat Perpatih Dan Cabaran Masa Kini. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 17-18 September.

---

. 1984. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Othman Ishak. 1979. Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Amri bin Baharuddin. 1992. Sistem Politik Dan Ekonomi Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

Talib bin Md. Seh. 1990. Adat-Istiadat Dalam Naning.  
Kertas Projek Serdang. Universiti Pertanian  
Malaysia, Serdang.

Teuku Iskandar, Dr.. (penys.). 1984. Kamus Dewan.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainab Yahya. 1983. "Titik Menilik Di Kalangan  
Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Tanjung  
Bidara, Pulau Tiga, Parit, Perak. Latihan  
Ilmiah. Tahun Kepujian Di Jabatan Persuratan  
Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LUAK JOHOL

Undang : Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan

Bakal Undang : Datuk Baginda Tan Mas

Suku : Biduanda

<u>Suku</u>		<u>Jumlah Perut</u>	<u>Gelaran Lembaqa</u>
(i)	1. Biduanda Gempa	3	Datuk Gempa
	2. Biduanda Menteri	3	Datuk Menteri
	3. Biduanda Mendatang	3	Datuk Raja Balang
	4. Biduanda Jenang	3	Datuk Jenang *(1)
(ii)	5. Semelenggang/Sri Melenggang.	4	Datuk Andika
(iii)	6. Tiga Batu	5	Datuk Baginda Raja *
(iv)	7. Mungkal	4	Datuk Raja Senara
(v)	8. Paya Kumbuh	1	Datuk Seri Maharaja
(vi)	9. Selemak/Sri Lemak Minangkabau	1	Datuk Paduka Besar
	10. Selemak Pahang	1	Datuk Sinda Maharaja

Nota

\* Orang Besar Balai

(1) Ketua Suku Biduanda

Sumber: Nathan, J.E & R.O. Winstead, "Johol, Inas, Ulu Muar, Gunung Pasir and Terachi", PMS, 1920, hlm. 16-27.

## TEMUBUAL

- Abd. Razak bin Wahab. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 19 September.
- Bador bin Samad. 1993. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 2 Februari.
- Borhan bin Ibrahim. 1992. Penduduk Kampung Tanggai, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Che' Mat bin Hassan. 1992. Penduduk Kampung Bukit Istana, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Isa bin Haji Abd. Manaf. 1993. Penduduk Kampung Kuala Johol, Negeri Sembilan. Temubual 1 Februari.
- Ibrahim bin Bador. 1992. Penghulu Johol. Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Temubual 3 Disember.
- Layar bin Atong. 1992. Penduduk Kampung Inas, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 4 Disember.
- Mariam binti Borhan. 1992. Penduduk Kampung Lending, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Mohd. Nor bin Yaacob. 1992. Ketua Kampung Air Mawang, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 27 November.
- Napsiah binti Md. Din. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 30 November.
- Osman bin Meda. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 30 November.
- Yassin bin Piotot. 1992. Penduduk Kampung Simat, Johol, Negeri Sembilan. 19 September.